

05 OCT 1998

UMNO LARUT SOKONG PM ATAS SEGALA TINDAKAN

IPOH, 5 Okt (Bernama) -- Umno bahagian Larut menyokong segala tindakan dan keputusan yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam apa jua perkara termasuk pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru bagi memastikan kestabilan dan keamanan negara dikekalkan.

Timbalan Umno bahagian itu Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata keputusan yang dibuat dalam mesyuarat bahagian itu beberapa hari lepas telah dinyatakan dalam bentuk ikrar terbuka kepada Setiausaha Politik Dr Mahathir, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin semalam.

Abdul Aziz sebelum itu menyampaikan ceramah mengenai isu-isu semasa kepada anggota Umno bahagian Larut di Dewan MCA di Selama.

Raja Ahmad Zainuddin berkata bahagian itu penuh yakin di atas tindakan yang diambil oleh Dr Mahathir dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi negara termasuk kegawatan ekonomi.

Beliau juga berkata bahagian itu juga telah menggerakkan jentera pilihanrayanya bagi menghadapi pilihanraya umum pada bila-bila masa.

-- BERNAMA.

HK WAT